

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 15 Jun 2022



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA APRIL 2022

---

### **Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 20.0 peratus pada April 2022**

PUTRAJAYA, 15 Jun 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, April 2022**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Memetik kepada laporan, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, "Pengeluaran getah asli menurun 20.0 peratus pada bulan April 2022 (22,498 tan metrik) berbanding pada bulan Mac 2022 (28,106 tan metrik) terutamanya dikaitkan dengan musim luruh. Perbandingan tahunan turut menunjukkan penurunan 2.2 peratus (April 2021: 23,013 tan metrik). Beliau menambah, pengeluaran getah asli Malaysia pada April 2022 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.1%) berbanding sektor estet (11.9%).

Jumlah stok getah asli pada April 2022 menurun sebanyak 4.1 peratus kepada 297,673 tan metrik berbanding 310,433 tan metrik pada Mac 2022. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 92.5 peratus diikuti kilang pengguna getah (7.4%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 58,755 tan metrik pada April 2022 meningkat 10.2 peratus berbanding Mac 2022 (53,328 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 39.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada April 2022 diikuti Amerika Syarikat (11.3%), Finland (4.5%), Mesir (3.2%) dan Iran (2.5%). Sebagai tambahan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM2.2 billion pada April 2022, meningkat 8.6 peratus berbanding Mac 2022 (RM2.0 billion)".


Sentimen pasaran getah menurun disumbangkan oleh kerugian dalam pasaran hadapan getah serantau di tengah-tengah kebimbangan kelembapan dalam sekatan ketat COVID-19 di China, konflik Rusia-Ukraine yang berpanjangan, kekurangan cip di peringkat global yang berterusan serta tekanan inflasi seperti dihuraikan dalam *Malaysian Rubber Board Digest* yang diterbitkan pada April 2022.

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu sebanyak 2.5 peratus (April 2022: 666.47 sen sekilogram, Mac 2022: 683.57 sen sekilogram) manakala bagi jenis Sekerap menurun 0.7 peratus (April 2022: 586.65 sen sekilogram, Mac 2022: 591.02 sen sekilogram). Pergerakan harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 0.8 hingga 2.5 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapura/ Malaysia) masing-masing menurun 2.4 peratus (daripada USD1.75/kg kepada USD1.70/kg) dan 1.3 peratus (daripada USD2.12/kg kepada USD2.09/kg).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).

**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli April 2021, Mac - April 2022 ('000 tan metrik)**



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli April 2021, Mac - April 2022 ('000 tan metrik)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**15 JUN 2022**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, June 15<sup>th</sup> 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA**  
**APRIL 2022**

---

**Malaysia natural rubber production  
decreased by 20.0 per cent in April 2022**

PUTRAJAYA, 15 June 2022 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, April 2022**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "Natural rubber production decreased by 20.0 per cent in April 2022 (22,498 tonnes) as compared to March 2022 (28,106 tonnes) mainly attributed to wintering. Year-on-year comparison also showed that the production of natural rubber decreased by 2.2 per cent (April 2021: 23,013 tonnes). He added, production of natural rubber in April 2022 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (88.1%) as compared to estates sector (11.9%).

Total stocks of natural rubber in April 2022 decreased by 4.1 per cent to 297,673 tonnes as compared to 310,433 tonnes in March 2022. Rubber processors factory contributed 92.5 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (7.4%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's natural rubber amounted to 58,755 tonnes in April 2022, increased 10.2 per cent as against March 2022 (53,328 tonnes). P.R. China remained as main destination for natural rubber exports which accounted 39.7 per cent of total exports in April

2022 followed by United States (11.3%), Finland (4.5%), Egypt (3.2%) and Iran (2.5%). In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The exports performance was contributed by natural rubber-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM2.2 billion in April 2022, an increase of 8.6 per cent as compared to March 2022 (RM2.0 billion)".


The bearish sentiments that hit the rubber market are contributed by losses in the regional rubber future markets amid slowdown fears in China's stringent COVID-19 lockdowns, persistent Russia-Ukraine conflict, ongoing global chip shortage and inflationary pressure as elaborated in the Malaysian Rubber Board Digest published April 2022.

Analysis of the average monthly price showed that Latex Concentrated recorded a decrease of 2.5 per cent (April 2022: 666.47 sen per kg, March 2022: 683.57 sen per kg) while, for type of Scrap decreased by 0.7 per cent (April 2022: 586.65 sen per kg, March 2022 : 591.02 sen per kg). The movement of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) declined between 0.8 to 2.5 per cent. World Bank Commodity Price Data reported prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 2.4 per cent (from USD1.75/kg to USD1.70/kg) and 1.3 per cent (from USD2.12/kg to USD2.09/kg) respectively.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 to 31<sup>st</sup> December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15<sup>th</sup> April 2022 to 30<sup>th</sup> September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022).

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber April 2021, March - April 2022 ('000 tonnes)**



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber April 2021, March - April 2022 ('000 tonnes)**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**15 JUNE 2022**